

**PROFIL MINAT KERJAYA DI KALANGAN PELAJAR DI SEBUAH
SEKOLAH DI KUALA TERENGGANU**

MOHD ABU BAKAR BIN ABDUL RASHID

**JABATAN PSIKOLOGI DAN KAUNSELING
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**

2009

1602

1100076599

Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah
Universiti Malaysia Terengganu (UMT)



LP 7 FPE 1 2009



1100076599

Profil minat kerjaya di kalangan pelajar di sebuah sekolah di Kuala Terengganu / Mohd Abu Bakar Abdul Rashid.

PERPUSTAKAAN SULTANAH NUR ZAHIRAH
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)
21030 KUALA TERENGGANU.

1100076599		

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN SULTANAH NUR ZAHIRAH UMT

**PROFIL MINAT KERJAYA DI KALANGAN PELAJAR DI SEBUAH
SEKOLAH DI KUALA TERENGGANU**

oleh

MOHD ABU BAKAR BIN ABDUL RASHID


**Latihan Ilmiah Ini dikemukakan Untuk Memperolehi
Ijazah Sarjana Muda Kaunseling**

**JABATAN PSIKOLOGI DAN KAUNSELING
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**

2009


PENGAKUAN

Saya mengaku bahawa latihan ilmiah adalah hasil kerja saya yang asli melainkan petikan dan sedutan yang telah diperjelaskan sumbernya.

Tandatangan : 
Nama Penulis : Mohd Abu Bakar bin Abdul Rashid
Tarikh Serahan : 12 - 11 - 09

PENGESAHAN

Latihan ilmiah ini telah diterima dan diluluskan sebagai memenuhi syarat kursus KOG 4399 (Kertas Projek) bagi memperolehi Ijazah Sarjana Muda Kaunseling, Fakulti Pengurusan dan Ekonomi, Universiti Malaysia Terengganu.

Tandatangan : 

Nama Penyelia : En. Peter Wong Sin On

Tarikh Serahan : 13 - 11 - 2009

PENGHARGAAN

Bismillahirrahmaanirrahim

Syukur Alhamdulillah ke hadrat Yang Maha Esa kerana dengan keizinan dan keberkatan- Nya kajian ini berjaya disempurnakan. Dalam usaha menyempurnakan kajian ini, ramai individu yang telah terlibat memberi sumbangan dan sokongan bagi menjayakannya terutama sekali kepada keluarga saya yang banyak membantu dalam melaksanakan kajian ini.

Saya ingin merakamkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Encik Peter Wong Sin On selaku penyelia Kajian Ilmiah ini yang telah banyak memberi tunjuk ajar, sokongan, kata-kata semangat untuk diri saya dan terima kasih juga dengan segala pengorbanan yang telah diberikan. Saya juga ingin memohon ampun dan maaf sepanjang saya berada dibawah penyeliaan beliau semasa dalam proses menyempurnakan kajian ini. Semoga jasa baik beliau akan dirahmati Allah S.W.T.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada En. Awang Kodeng Bin Che Tom selaku penyelarar projek Kajian Ilmiah KOG 4399 yang banyak membantu saya sepanjang menyiapkan kajian ilmiah ini. Tidak ketinggalan juga ucapan terima kasih buat Dr. Abdul Hanid Bin Halit selaku bekas penyelarar projek Kajian Ilmiah yang turut sama menyumbangkan jasanya dalam membantu saya menyiapkan kajian ini. Begitu juga kepada Encik Md. Aris Safree bin Md. Yasin kerana beliau sangat membantu saya dalam penggunaan SPSS untuk menganalisis kajian yang dijalankan.

Ribuan terima kasih juga diucapkan kepada pihak Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Sulaiman, Terengganu terutamanya kepada kaunselor sekolah berkenaan kerana banyak membantu dalam menyediakan maklumat serta bahan-bahan untuk melengkapkan kajian ini. Selain itu, terima kasih juga diucapkan kepada pelajar tingkatan enam terutamanya sampel kajian kerana sudi meluangkan masa untuk menjawab soal selidik yang diedarkan.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada kedua ibu bapa saya dan teman-teman yang sentiasa memberi sokongan setiap masa dan tidak jemu menghulurkan bantuan disaat saya benar-benar memerlukan mereka dan tidak ketinggalan juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa memberikan semangat dan sokongan kepada diri saya sepanjang menyempurnakan kajian ini. Sesungguhnya yang baik itu datangnya dari Allah dan kekurangan tersebut datangnya daripada diri saya sendiri.

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji profil minat kerjaya dalam kalangan pelajar tingkatan empat. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenalpasti minat kerjaya yang paling diminati dan mengenalpasti perbezaan minat kerjaya berdasarkan jantina, tempat tinggal pelajar, aliran pengajian, dan sosioekonomi ibu bapa dalam kalangan pelajar. Seramai 186 responden yang terlibat dalam kajian ini. Minat kerjaya pelajar telah diukur dengan menggunakan *Self-Directed Search (SDS)* oleh Holland. Dalam kajian ini kaedah analisis deskriptif digunakan untuk menentukan frekuensi dan peratus ke atas data-data yang diperolehi manakala, kaedah statistik inferensi digunakan untuk menguji hipotesis kajian iaitu ujian-*t* dan ANOVA. Hasil kajian mendapati bahawa bidang kerjaya yang paling diminati oleh responden ialah jenis bidang sosial berdasarkan skor min yang diperolehi adalah paling tinggi iaitu 0.58 (0.22). Analisis ujian-*t* menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara minat kerjaya berdasarkan jantina dan tempat tinggal pelajar. Manakala analisis ANOVA juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pola minat kerjaya berdasarkan aliran pengajian dan sosioekonomi ibu bapa pelajar. Berdasarkan dapatan kajian ini, beberapa implikasi dan cadangan telah dikemukakan.

ABSTRACT

This research was aimed to identify the career interest profile among form four students. This research also aimed to identify the career most liked and to identify the career interest based on gender, place of living, major of study and parent's socioeconomic status among students. A total of 186 students were selected in this study. *Self-Directed Search* (SDS) by Holland is used to measure student's career interest. In this research, a descriptive analysis is used to analyse the frequency and percentage on the data obtained, while inferential statistic; *t*-test and ANOVA used to analyse the research hypothesis. The research findings show that career most liked by the respondent is social based on the mean acquired, 0.58 (0.22). *t*-test analysis shows that there is no significant difference on career interest based on gender and place of living. Meanwhile, analysis using ANOVA also did not show any significant difference on career interest based on major of studies and parent's socioeconomic status. Based on the findings, a few implications and recommendations are discussed.